

azzat & izzat

**Advocates & Solicitors
Peguambela dan Peguamcara**

Trademark Agent • Ejen Cap Dagang

No. 32, Jalan PJU 7/16
Mutiara Damansara
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T 03-77256050 F 03-77256070 E office@azzatizzat.com

Azzat Kamaludin
LL.B., M.A. (Cantab), Barrister-at-Law (Middle Temple)

Izzat Othman
LL.B. (Hons) Malaya

Rose Zilawati	LL.B. (Hons) Leeds CLP
Fahri Azzat	LL.B. (Hons) Bristol CLP
Audrey Quah	LL.B. (Hons) London CLP
Farah Mohd Afzal	LL.B. (Hons) IIUM

Office Hours: Mondays to Fridays. 8:30 am – 5:30 pm

Ruj Tuan: B – 09 – 62 – 2007
Ruj Kami: AI/MISC/0000/26(I)L

DENGAN TANGAN

19 Januari 2010

SETIAUSAHA KEPADA YANG AMAT ARIF PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN

Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62506 Putrajaya.

Tuan/Puan,

**Per: Mahkamah Rayuan Malaysia Rayuan Jenayah No. B – 09 – 62 – 2007
(Mahkamah Tinggi Shah Alam Rayuan Jenayah No. 42 – 57 & 58 – 2007)
Abd Rahim bin Abd Rahaman ...Perayu
Pendakwa Raya ...Responden**

COPY



I/We hereby acknowledge receipt of the cheque(s)
document(s) abovementioned.

Rujukan dibuat kepada kes tersebut di atas yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan pada 18/1/2010 yang telah menolak rayuan Perayu.

Kami dengan rendah diri pohon sekiranya Tuan/Puan boleh maklumkan bahawa setelah keputusan Mahkamah Rayuan dimaklumkan kaunsel Perayu, Encik Fahri Azzat telah meminta untuk suatu alasan penghakiman disediakan oleh Mahkamah Rayuan kerana:

- (1) Pihak Perayu telah membangkitkan 2 hujah yang tidak pernah dihujah di mana-mana Mahkamah Malaysia berkenaan isu (i) samada peruntukkan seksyen 298 Kanun Prosedur Jenayah adalah bertentangan dengan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan dan (ii) samada seksyen 377A dan 377B Kanun Keseksaan adalah bertentangan dengan Artikel 8 dibaca dengan Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan.
- (2) Yang Arif Hakim Datuk Suriyadi Halim Omar yang telah menjadi hakim utama (*chairing judge*) bagi rayuan tersebut telah maklumkan kepada kami bahawa Mahkamah Rayuan biasanya tidak menyediakan alasan penghakiman kerana mereka ada banyak kerja. Tambahan kepada itu, Yang Arif Hakim juga telah maklumkan bahawa alasan penghakiman akan disediakan kalau diarahkan oleh Mahkamah Persekutuan. Kami sertakan di sini keratan akhbar yang melaporkan perkara ini.
- (3) Kami ingin maklumkan bahawa memandangkan kes ini telah bermula di Mahkamah Sesyen, Perayu tidak ada peluang lagi untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, tidak mungkin yang Mahkamah Persekutuan akan membuat arahan sedemikian.

PLEASE QUOTE OUR REFERENCE IN YOUR CORRESPONDENCE.

- (4) Seterusnya, Yang Arif Hakim Datuk Suriyadi Halim Omar telah menulis suatu alasan penghakiman di dalam kes yang dilaporkan bernama *Tuan Mat Tuan Lonik v PP* [2009] 4 CLJ 638 setelah menolak rayuannya. Kes ini juga telah muncul daripada Mahkamah Rendah. Di dalam kes ini walaupun tiada sebarang isu novel atau tiada sebarang hujahan perlembagaan Mahkamah Rayuan masih tetap menyediakan alasan penghakiman. Sesalinan laporan undang-undang disertakan untuk rujukan.

Kami sesungguhnya percaya Mahkamah Rayuan harus menyediakan suatu alasan penghakiman kerana ia adalah perlu bagi mempertimbangkan atas dasar apa Mahkamah Rayuan telah menolak hujahan-hujahan yang dikemukakan dan atas dasar apa rayuan tersebut ditolak. Ini boleh memberi panduan kepada orang lain bagaimana Mahkamah melihat isu tersebut. Perayu dan juga orang awam berhak untuk mengetahui dan memahami alasan Mahkamah menolak hujahan-hujahan tersebut.

Dengan itu, kami dengan rendah diri pohon sekiranya Tuan/Puan boleh meminta Yang Amat Arif mengarahkan Mahkamah Rayuan yang telah mendengarkan rayuan tersebut di atas menyediakan dan mengemukakan alasan penghakiman mereka.

Jawapan awal amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

FA

Disertakan;

- s.k. Jabatan Peguam Negara
Bahagian Pendakwaan
Aras 5, No. 45, Lot 4G7
Presint 4, Persiaran Perdana
62100 Putrajaya.
(Untuk Perhatian: Puan Shoba a/p Venu Gobal)
- s.k. Setiausaha kepada Datuk Haji Suriyadi bin Halim Omar
Tingkat 3, Istana Kehakiman
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62506 Putrajaya.
- s.k. Setiausaha kepada Dato' Hasan bin Lah
Tingkat 3, Istana Kehakiman
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62506 Putrajaya.
- s.k. Setiausaha kepada Dato' Ahmad bin Haji Maarop
Tingkat 3, Istana Kehakiman
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62506 Putrajaya.
- s.k. Encik Amer Hamzah bin Arshad
C/O Tetuan Zain & Co.
Tingkat 7, Wisma Etiqa
23, Jalan Melaka
Kuala Lumpur.